

## ABSTRAK

Krisis Mata Wang Asia yang berlaku pada tahun 1997 tidak hanya memperkenalkan terma tadbir urus korporat tetapi turut mendedahkan kelemahan amalan tadbir urus korporat di Malaysia. Selepas tahun 1998, Kerajaan Malaysia memutuskan untuk meningkatkan amalan pengurusan korporat yang lebih baik. Reformasi korporat melalui peraturan dan Kod Tadbir Urus Korporat telah diperkenalkan. Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui sejauh mana peraturan dan Kod Tadbir Urus Korporat yang diperkenalkan boleh dilaksanakan memandangkan wujudnya hubungan yang rapat di antara kerajaan dan perniagaan. Tiga syarikat telah dipilih sebagai ukuran kepada kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa syarikat-syarikat yang terlibat di dalam salah laku korporat tetapi mempunyai hubungan baik dengan kerajaan akan dikecualikan daripada dikenakan tindakan undang-undang korporat.

## **ABSTRACT**

Asian Financial Crisis in 1997 not only introduced the term of corporate governance but also drew an attention to the public about the weaknesses of Malaysian corporate governance practice. After 1998, Malaysian government decided adopt corporate reform that could enhance the quality of good corporate management practice. This reform is clearly stated in the code and rules of corporate governance. The purpose of this research is to study the significance of implementation the code and rules of corporate governance since public who already realize the close relationship between business and politics. Three companies are chosen as indicators for this study. As a result, it is found that companies, which involve in corporate malpractice but have a good relationship with states will always excluded from legal corporate action.